

07/03/2003

Abdullah mahu ahli politik bebas rasuah

PETALING JAYA: Bebas daripada rasuah adalah antara ciri utama yang perlu ada pada setiap ahli politik selain kejujuran, keikhlasan dan kuat bekerja, kata Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata demikian ketika diminta menyebut ciri-ciri yang beliau inginkan ada pada setiap ahli politik di negara ini dalam usaha membangun dan memajukan rakyat dan negara.

Bercakap di hadapan kira-kira 500 ahli Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia di sini semalam, Abdullah turut menjelaskan rasuah dan penyalahgunaan kuasa adalah perkara utama yang perlu ditangani jika mahu berdaya saing di peringkat antarabangsa.

"Rasuah dan salah guna kuasa berlaku dalam sektor awam dan swasta. Ia dilakukan oleh rakyat Malaysia daripada semua kaum. Kita sering mendengar cerita atau bukti mengenai amalan rasuah.

"Ini berlaku kerana pengurusan yang tidak cekap dan berkesan. Dalam kes ini, ia membabitkan penguatkuasaan.

"Malaysia adalah antara negara yang mempunyai undang-undang antirasuah paling tegas selain mempunyai etika bagi urus tadbir korporat.

"Namun, semua ini tidak akan memberi apa-apa makna jika penguatkuasaan tidak dijalankan sewajarnya," katanya sambil menambah semua pihak perlu bekerjasama jika mahu amalan itu dihapuskan.

Menyampaikan ucap tama bertajuk `Bersaing Untuk Esok', Abdullah berkata, untuk mencapai matlamat itu, pemikiran atau mentaliti rakyat juga harus berubah dengan tidak beranggapan bahawa rasuah adalah satu amalan dan kebiasaan di negara ini.

Beliau berkata, satu kajian yang dijalankan kerajaan mendapati 87 peratus daripada responden di seluruh negara tidak menerima rasuah sebagai satu amalan, sekali gus membuktikan majoriti rakyat negara ini menolak amalan berkenaan.

Selain itu, kata Abdullah, rakyat negara ini juga harus menghormati harta, termasuk harta intelek.

"Rakyat Malaysia belum dapat menghargai harta selain daripada apa yang mereka miliki. Kita amat terkenal kerana tidak menghormati harta intelek, mencetak rompak muzik, filem dan perisian. Sekali lagi, masalahnya ialah penguatkuasaan dan pembabitkan masyarakat," katanya.

Beliau berkata, rakyat Malaysia juga harus mengikis andaian bahawa kerajaan bertanggungjawab sepenuhnya untuk membela nasib rakyat.

Anggapan sebegitu, katanya, menyebabkan rakyat terus bergantung kepada kerajaan dan tidak berusaha untuk melengkapkan diri dengan ilmu dan kemahiran yang diperlukan untuk memperbaiki taraf hidup.

Dalam sesi soal jawab, Abdullah menyebut sikap ekstremis dalam apa juga bentuk, sama ada keganasan kerana agama mahupun perkauman adalah antara ancaman utama yang perlu diberi perhatian.

"Sehubungan itu, kita tidak mahu terbabit atau terancam dengan sebarang bentuk keganasan ini. Kita akan menentang habis-habisan keganasan ini dan menggalakkan keamanan," katanya.

Majlis pagi semalam itu adalah acara pertama yang dihadiri Abdullah atas kapasiti sebagai Pemangku Perdana Menteri. Beliau memikul tanggungjawab itu kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengambil cuti selama dua bulan mulai kelmarin.

Turut hadir ialah Presiden Persatuan Oxford dan Cambridge Malaysia, Tan Sri Abdullah Ahmad, yang juga Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits

Times Press (M) Berhad; Raja Muda Perak, Raja Nazrin Shah; pemilik industri dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO).